TAY MEW HUANG – PENTADBIR PESAKA TAY BOK SIN, SIMATI & YANG LAIN

lwn.

EVEREADY HOUSING DEVELOPMENT SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
ABD HALIM AMAN PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-17-2005]
28 JUN 2006

KONTRAK: *Kemungkiran - Perjanjian - Permohonan untuk perintah pembatalan perjanjian - Kegagalan defendan untuk memajukan tanah dan menukarkan kategori tanah - Tempoh masa 24 tahun bagi melaksanakan perjanjian - Sama ada tempoh masa terlalu panjang dan tidak munasabah - Akta Kontrak 1950, s. 47 - Sama ada lebih adil dan munasabah perjanjian dibatalkan daripada berlarutan - Sama ada mahkamah hanya mengeluarkan perintah dalam bentuk deklarasi terhadap butir-butir di pohon - Akta Relif Spesifik 1950, s. 34(1)(a) - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 5 k. (3),(4)*

KONTRAK: *Pembatalan - Kemungkiran perjanjian - Permohonan untuk perintah pembatalan perjanjian - Pertikaian bentuk tindakan - Sama ada tindakan saman pemula plaintif bersesuaian dan selaras dengan peruntukan A. 5 k. 4(2)(b) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Permohonan defendan untuk menggantungkan tindakan melalui affidavit balasan - Sama ada mengikut undang-undang - Rujukan kepada timbangtara - Sama ada suatu permohonan rasmi peggantungan perlu dibuat kepada mahkamah - Akta Timbangtara 1952, s. 6*

Saman pemula di KM(2) ini telah difailkan oleh pihak plaintif di bawah s. 34(1) (a) Akta Relif Spesifik 1950 dan A. 5 k. (3) dan (4) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT) bagi mendapat perintah-perintah, antara lain, (i) bahawa perjanjian yang ditandatangani pada 15 Disember 1982 ('perjanjian 15 Disember 1982') di antara kelima-lima plaintif dengan defendant bertujuan untuk memajukan tanah ('harta tersebut') dibatalkan; (ii) defendan memulangkan tanah-tanah tersebut kepada kesemua plaintif tanpa sebarang sekatan dengan menandatangani Borang 14A dan (iii) seandainya defendan enggan berbuat demikian dalam masa 14 hari dari tarikh perintah, timbalan pendaftar mahkamah akan menandatangani Borang 14A tersebut. Melalui satu perjanjian bertarikh 15 Disember 1982, plaintif-plaintif telah bersetuju memindahmilik harta tersebut kepada defendan untuk tujuan

memajukan tanah tersebut daripada kategori pertanian kepada perumahan. Plaintif menegaskan bahawa tempoh 22 tahun yang diberikan kepada defendan adalah lebih dari mencukupi untuk menukarkan kategori tanah tersebut. Walaubagaimanapun, sehingga ke hari ini, defendan masih gagal berbuat demikian. Defendan pula memohon supaya tindakan ini dibatalkan dan plaintif diberi kebebasan untuk meneruskan tindakan secara writ (agar pembelaan boleh difailkan oleh defendan dan saksi-saksi dikemukakan) selepas keputusan di dalam satu kes rayuan sivil di Mahkamah Rayuan diperolehi dan pertikaian ini terlebih dahulu dirujuk kepada Timbangtara. Alasan permohonan defendan adalah bahawa kelewatan penukaran kategori tanah tersebut bukanlah disebabkan oleh pihak mereka tetapi disebabkan oleh pihak berkuasa dan faktor-faktor lain yang di luar kawalan defendan. Justeru itu, defendan mempertikaikan pernyataan plaintif bahawa mereka telah melanggar syarat perjanjian tersebut.

Diputuskan (mengizinkan permohonan plaintif dengan kos):

(1) Defendan telah memungkiri perjanjian bertarikh 15 Disember 1982 tersebut dan telah gagal untuk memajukan tanah tersebut termasuklah untuk menukarkan kategori tanah tersebut daripada kategori pertanian kepada kategori perumahan sedangkan tempoh 24 tahun telah berlalu. Hakikat tempoh masa yang berlalu itu sahaja jelas tidak munasabah yang mana di dalam tempoh yang begitu panjang, bukan sahaja projek tidak dimajukan malah penukaran syarat tanah juga tidak bergerak. Walaupun perjanjian tersebut tidak menyatakan dengan cara spesifik dalam tempoh selama mana perjanjian tersebut perlu dipenuhi oleh pihak defendan, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif yang telah merujuk kepada peruntukan s. 47 Akta Kontrak 1950 yang menyentuh berkenaan tempoh masa yang munasabah atau 'reasonable.' Tempoh masa 24 tahun bagi melaksanakan perjanjian tersebut adalah tidak munasabah sama sekali. Salah seorang dari tuan tanah yang asal telah meninggal dunia dan telah dihalang dari mendapat faedah daripada perjanjian tersebut. Adalah lebih adil dan munasabah agar perjanjian ini dibatalkan daripada berlarutan untuk tempoh masa yang lebih lama yang mana jelas akan mendatangkan kerugian kepada pihak plaintif tanpa mengetahui bilakah penghujungnya. Defendan juga gagal mengemukakan sebarang bukti untuk

menyokong alegasi mereka bahawa kelewatan yang melampau tersebut bukanlah disebabkan oleh mereka sendiri. (perenggan 13, 15 & 17)

(2) Defendan telah mempertikaikan bentuk tindakan saman pemula yang difailkan oleh plaintif terhadap mereka atas alasan mereka telah tidak diberikan peluang untuk mengemukakan pembelaan dan keterangan saksi-saksi di dalam tindakan sebegini. Walaubagaimanapun, jika kesukaran sesuatu kes diambilkira sebagai faktor menentukan jenis tindakan yang wajar dimulakan oleh seseorang plaintif, fakta ini amatlah jelas dan tidak rumit. Justeru itu, tindakan saman pemula yang diambil oleh pihak plaintif amatlah bersesuaian sekali dan selaras dengan peruntukan A. 5 k. 4(2) (b) KKMT 1980. (perenggan 20 & 21)

(3) Pihak defendan juga telah memohon untuk menggantungkan tindakan ini sehingga rayuan di dalam kes rayuan sivil didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Walaubagaimanapun, permohonan penggantungan seperti yang dipohon itu dibuat oleh afidavit balasan sahaja. Ianya adalah tidak mengikut undang-undang. Sewajarnya suatu permohonan yang formal perlulah dikemukakan. Alasan untuk merujuk pertikaian ini kepada Timbangtara juga telah ditimbulkan oleh defendan untuk memohon perintah penggantungan tersebut berdasarkan kl. 27 perjanjian 15 Disember 1982. Walaubagaimanapun, s. 6 Akta Timbangtara 1952 dengan jelas memperuntukkan bahawa sebelum sesuatu pertikaian ingin dirujuk kepada Timbangtara di dalam keadaan di mana suatu prosiding Mahkamah telah diambil, satu permohonan rasmi untuk penggantungan perlu dibuat kepada mahkamah. Bagi mendapatkan satu perintah penggantungan prosiding, prosedur tertentu perlu dipatuhi. Defendan perlu memfailkan permohonan dengan cara yang telah ditetapkan oleh undang-undang, iaitu melalui saman dalam kamar dan bukan hanya dengan memasukkan ke dalam afidavit balasan seperti apa yang dilakukan oleh defendan. (perenggan 24 & 25)

(4) Permohonan yang terdapat di KM(2) wajarlah dibenarkan kerana ianya penuh bermerit sepertimana alasan-alasan yang dinyatakan. Apa yang penting di dalam tindakan saman pemula ini adalah lebih berbentuk deklarasi dan tidak kepada pelaksanaan spesifik. Saman pemula ini juga masih boleh

A ditukar kepada guaman sivil. Oleh yang demikian, mahkamah hanya mengeluarkan perintah di dalam bentuk deklarasi sahaja terhadap butir-butir yang dipohon. (perenggan 26)

Kes-kes yang dirujuk:

B *Green v. Sevin [1879] Vol XIII Ch D 589* ***(dirujuk)***

Martin-Baker Aircraft Co Ltd v. Canadian Flight Equipment Ltd [1955] 2 QB 556 ***(dirujuk)***

Penang Development Corporation v. Khaw Chin Boo & Anor [1993] 3 CLJ 167 HC ***(dirujuk)***

Hock Huat Iron Foundry v. Naga Tembaga Sdn Bhd [1999] 1 CLJ 89 CA

C ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Arbitration Act 1952, s. 6

Contracts Act 1950, s. 47

Rules of the High Court 1980, O. 5 r. 3, 4(2)(b)

D Specific Relief Act 1950, s. 34(1)(a)

Bagi pihak plaintif - Kevin Kam; T/n Taufik & Assoc

Bagi pihak defendan - Mura Raju; T/n Mura Raju & Co

E *Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

PENGHAKIMAN

F **Abd Halim Aman PK:**

[1] Saman pemula di KM(2) ini yang telah difailkan ke mahkamah ini pada tarikh 1 Februari 2005 telah difailkan oleh pihak plaintif di bawah s. 34(1)(a) Akta Relif Spesifik 1950 dan A. 5 k. (3) dan (4) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (KKMT)

G 1980 bagi mendapat perintah-perintah seperti berikut:

(i) Bahawa perjanjian yang ditandatangani pada 15 Disember 1982 di antara kelima-lima plaintif dengan defendan bertujuan untuk memajukan tanah yang dikenali sebagai GM 64 Lot

H 1195 Mukim Langgar, Pekan dibatalkan;

(ii) Defendan memulangkan tanah tersebut kepada kesemua plaintif tanpa sebarang sekatan dengan menandatangani Borang 14A;

I (iii) Seandainya defendan enggan berbuat demikian dalam masa 14 hari dari tarikh perintah ini, Timbalan Pendaftar Mahkamah ini akan menandatangani Borang 14A tersebut;

(iv) Geran asal tanah itu yang kini berada dalam simpanan Tetuan Andrew-David Wong & Ong dikembalikan kepada plaintif-plaintif dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah ini;

(v) Seandainya geran asal gagal dikembalikan di dalam tempoh 14 hari itu, Pegawai Tanah Daerah Pekan diarahkan untuk keluarkan geran asingan;

(vi) Wang pendahuluan RM15,000 yang dibayar oleh defendan kepada Plaintif-plaintif dilucutkan hak oleh plaintif-plaintif;

(vii) Segala suratcara yang telah ditandatangani untuk kemudahan defendan dibatalkan;

(viii) Pembatalan sebarang kaveat persendirian yang telah dimasukkan oleh defendan, jika ada;

(ix) Defendan membayar plaintif jumlah tertuntut sebanyak RM20,000 atau gantirugi yang akan ditetapkan oleh mahkamah kepada plaintif-plaintif; dan

(x) Kos permohonan ini dan semua kos berkaitan pindahmilik tanah ditanggung oleh defendan.

[2] Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh Plaintif Pertama Tay Mew Huang pada 19 Januari 2005 seperti yang terkandung di KM(2A). Di samping itu, terdapat juga 2 lagi affidavit yang difailkan bagi menyokong permohonan yang telah difailkan ini seperti yang terdapat di KM(3), afidavit oleh plaintif keempat Ong Sew Cheng dan afidavit oleh plaintif ketiga Sew Oiu Cheng yang terkandung di KM(4).

[3] Di pihak defendan pula, terdapat 1 afidavit balasan yang difailkan seperti yang terkandung di KM(10), affidavit yang diikrarkan oleh Choo Chieh Hwa, salah seorang pengarah syarikat defendan.

[4] Pada tarikh 24 April 2006, mahkamah telah memberikan arahan kepada pihak-pihak untuk memfailkan penghujahan bertulis masing-masing. Ini telah diakur sepenuhnya dengan pihak plaintif sendiri telah mengemukakan penghujahan bertulis tersedia pada hari tersebut. Ini diikuti pula oleh penghujahan bertulis defendan yang difailkan pada 27 Mei 2006 yang terkandung di KM(18). Hujah balas plaintif-plaintif pula terdapat di KM(20) yang mana telah difailkan pada 2 Jun 2006. Manakala penghujahan balas

defendan difailkan pada 19 Jun 2006 seperti yang terkandung di KM(22), dan aneh sedikit, terdapat pula hujahan penutup plaintif yang difailkan 2 hari lepas iaitu pada 26 Jun 2006 yang terkandung di KM(27) yang tidak diarahkan oleh sesiapa untuk memfailkannya.

Kes Plaintif

[5] Melalui satu perjanjian (eks. TMH2) bertarikh 15 Disember 1982, si mati Tay Bok Sin, dan keempat-empat plaintif yang lain telah bersetuju memindahmilik harta GM 64 Lot 1195 tersebut kepada defendan yang dulunya dikenali sebagai Syarikat Perumahan Tien Yee Sdn Bhd untuk tujuan memajukan tanah tersebut daripada kategori pertanian kepada perumahan. Menurut plaintif, syarikat defendan telah bertukar nama kepada Eveready Housing Development Sdn Bhd berdasarkan carian yang telah dibuat (eks. TMH4).

[6] Selanjutnya, plaintif menegaskan bahawa tempoh 22 tahun yang diberikan kepada defendan adalah lebih dari mencukupi untuk menukarkan kategori tanah tersebut dari pertanian kepada perumahan. Walaubagaimanapun, sehingga ke hari ini defendan masih gagal berbuat demikian. Selain daripada apa yang dituntut oleh plaintif seperti dinyatakan di awal tadi, berdasarkan kl. 7 Perjanjian tersebut, plaintif menuntut gantirugi 20% daripada nilai pasaran sewa untuk unit-unit milik kesemua plaintif dari tarikh unit-unit tersebut sepatutnya siap sehingga ke tarikh betul-betul disiapkan.

[7] Plaintif juga memohon gantirugi jumlah tertentu sebanyak RM20,000 atau apa-apa jumlah yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Kes Defendan

[8] Defendan telah memfailkan afidavit balasan (KM10) yang diikrarkan oleh Choo Chieh Hwa selaku pengarah syarikat defendan pada 27 Julai 2005. Antara lain, defendan telah memohon supaya tindakan ini dibatalkan dan plaintif diberi kebebasan untuk meneruskan tindakan secara writ (agar pembelaan boleh difailkan oleh defendan dan saksi-saksi dikemukakan) selepas keputusan di dalam satu kes rayuan sivil di Mahkamah Rayuan diperolehi dan pertikaian ini terlebih dahulu dirujuk kepada Timbangtara.

[9] Alasan permohonan defendan ialah bahawa kelewatan penukaran kategori tanah tersebut bukanlah disebabkan oleh pihak mereka tetapi kerana terdapatnya kes rayuan sivil C-02-371-2000 di Mahkamah Rayuan yang mana defendan merupakan salah satu pihak yang merayu. Sesalinan rekod rayuan bagi kes tersebut telah difailkan oleh defendan pada 27 Mei 2006.

[10] Di dalam tindakan tersebut, pemilik-pemilik kepada 4 bidang tanah lain yang terlibat dalam projek pembangunan yang sama telah memfailkan tindakan secara saman pemula bagi memohon untuk membatalkan perjanjian tersebut seperti di dalam tindakan ini dan ini telah dibenarkan oleh mahkamah. Justeru itu, defendan telah memfailkan rayuan.

[11] Selanjutnya, defendan menegaskan bahawa kelewatan yang terjadi bukanlah disebabkan oleh pihaknya tetapi disebabkan oleh pihak berkuasa dan faktor-faktor lain yang mana di luar kawalan defendan. Justeru itu, defendan mempertikaikan pernyataan plaintif bahawa mereka telah melanggar syarat perjanjian tersebut.

Penemuan Mahkamah

[12] Setelah saya menimbangkan hujahan peguamcara kedua-dua belah pihak baik plaintif mahupun defendan, saya berpendapat bahawa permohonan dikemukakan wajar dibenarkan dengan kos berdasarkan alasan-alasan yang akan dinyatakan di bawah ini.

[13] Defendan telah memungkiri perjanjian bertarikh 15 Disember 1982 tersebut. Defendan telah gagal untuk memajukan tanah tersebut termasuklah untuk menukarkan kategori tanah tersebut daripada kategori pertanian kepada kategori perumahan sedangkan tempoh 24 tahun telah berlalu. Hakikat tempoh masa yang berlalu itu sahaja jelas tidak munasabah yang mana di dalam tempoh yang begitu panjang, bukan sahaja projek tidak dimajukan malah penukaran syarat tanah juga tidak bergerak. Walaupun perjanjian tersebut tidak menyatakan dengan cara spesifik dalam tempoh selama mana perjanjian tersebut perlu dipenuhi oleh pihak defendan saya bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif yang telah merujuk kepada peruntukan s. 47 Akta Kontrak 1950 yang menyentuh berkenaan tempoh masa yang munasabah atau 'reasonable'.

[14] Seksyen 47 berbunyi seperti berikut:

> **Time and place for performance**
>
> Where, by a contract, a promisor is to perform his promise without application by the promise, and no time for performance is specified, the engagement must be performed within a reasonable time.

Seksyen 47 tersebut juga jelas menerangkan berkenaan dengan apa yang dimaksudkan dengan masa yang munasabah, iaitu ianya berbeza mengikut fakta sesuatu kes. Ianya lebih merupakan satu isu atau persoalan fakta.

[15] Berdasarkan fakta kes ini, iaitu dengan merujuk kepada perjanjian 15 Disember 1982 tersebut, saya percaya bahawa tempoh masa 24 tahun bagi melaksanakan perjanjian tersebut adalah tidak munasabah sama sekali. Salah seorang dari tuan tanah yang asal telah meninggal dunia dan telah dihalang dari mendapat faedah daripada perjanjian tersebut. Adalah lebih adil dan munasabah agar perjanjian ini dibatalkan daripada berlarutan untuk tempoh masa yang lebih lama yang mana jelas akan mendatangkan kerugian kepada pihak plaintif tanpa mengetahui bilakah penghujungnya.

[16] Saya tertarik kepada perbandingan kelewatan penyempurnaan perjanjian di dalam kes-kes yang dirujuk oleh peguam defendan dengan tindakan ini seperti yang telah dilakukan oleh peguamcara plaintif di dalam hujahan balasnya seperti berikut:

(i) *Green v. Sevin* [1879] Vol. XIII Ch. D. 589 – melibatkan kelewatan dua tahun sahaja;

(ii) *Martin-Baker Aircraft Co. Ltd v. Canadian Flight Equipment Ltd.* [1955] 2 QB 556 – terdapat kelewatan selama tiga tahun;

(iii) *Penang Development Corporation v. Khaw Chin Boo & Anor* [1993] 3 CLJ 167 – kelewatan 3 ½ tahun;

(iv) *Hock Huat Iron Foundry v. Naga Tembaga Sdn Bhd* [1999] 1 CLJ 89 – kelewatan cuma untuk tempoh satu tahun sahaja.

[17] Oleh yang demikian, jika dibandingkan kelewatan-kelewatan dalam kes di atas dengan kelewatan di dalam tindakan ini, jelas bahawa tempoh kelewatan di dalam kes ini, iaitu 24 tahun adalah terlalu melampau dan langsung tidak munasabah. Defendan juga

gagal mengemukakan sebarang bukti untuk menyokong alegasi mereka bahawa kelewatan yang melampau tersebut bukanlah disebabkan oleh mereka sendiri.

[18] Defendan meletakkan segala punca kelewatan ini dari tindak-tanduk pihak berkuasa seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan kewujudan suatu rayuan sivil di Mahkamah Rayuan nombor kes C-02-371-2000. Rayuan tersebut adalah terhadap keputusan Mahkamah Tinggi ini juga pada 28 April 2000 yang membenarkan permohonan plaintif-plaintif di dalam empat kes saman pemula yang telah disatukan. Plaintif-plaintif di dalam keempat-empat tindakan tersebut juga telah memohon perintah-perintah yang sama yang dipohon oleh plaintif-plaintif di dalam tindakan ini berdasarkan rekod rayuan yang telah difailkan oleh peguamcara defendan pada 27 Mei 2006 untuk rujukan mahkamah.

[19] Defendan di dalam penyataan mereka menyatakan bahawa kelewatan penyempurnaan kontrak tersebut bukanlah disebabkan oleh kecuaian mereka. Di dalam soal yang melibatkan urusan dengan lain-lain jabatan kerajaan, atau lain-lain pihak berkuasa yang dimaksudkan oleh defendan itu, sukalah dinyatakan di sini bahawa di dalam soal prosedur penukaran syarat tanah ini contohnya, ianya tidak melibatkan hanya pihak PTG atau KPTG sahaja. Terdapat pelbagai lain-lain jabatan teknikal yang akan terlibat sama seperti PTD, MPK, JBA, JPBD dan lain-lainnya sebelum ianya diangkat untuk dibawa ke Mesyuarat Exco untuk keputusan muktamad. Setiap ejensi ini dikehendaki menyediakan ulasan dan pandangan terhadap perkara yang dipohon oleh pihak pemohon. Pihak Exco akan berpandukan sepenuhnya kepada setiap ulasan jabatan teknikal ini. Saya percaya di dalam tempoh yang begitu lama ini, iaitu 24 tahun sudah semestinya segala urusan ini telah lama dilakukan. Cuma mungkin keputusannya tidak begitu menggalakkan.

[20] Di sini defendan telah mempertikaikan bentuk tindakan saman pemula yang difailkan oleh plaintif terhadap mereka atas alasan mereka telah tidak diberikan peluang untuk mengemukakan pembelaan dan keterangan saksi-saksi di dalam tindakan sebegini. Walaubagaimanapun, jika kesukaran sesuatu kes diambilkira sebagai faktor menentukan jenis tindakan yang wajar dimulakan oleh seseorang plaintif, saya berpendapat bahawa fakta ini amatlah jelas dan tidak rumit.

[21] Justeru itu, tindakan saman pemula yang diambil oleh pihak plaintif amatlah bersesuaian sekali dan selaras dengan peruntukan A. 5 k. 4(2)(b) KKMT 1980 yang berbunyi seperti berikut:

> Proceedings:
>
> (a) …; or
>
> (b) in which there is unlikely to be any substantial dispute of fact,
>
> are appropriate to be begun by originating summons …

[22] Walaubagaimanapun terdapat juga peruntukan di bawah KMMT yang membolehkan tindakan yang difailkan melalui saman pemula ini ditukar kepada bentuk Guaman Sivil. Tiada masalah sebenarnya.

[23] Seterusnya pihak defendan juga telah memohon untuk menggantungkan tindakan ini sehingga rayuan di dalam kes rayuan sivil tadi setelah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Walaubagaimanapun, permohonan penggantungan seperti yang dipohon itu dibuat melalui afidavit balasan sahaja. Ianya adalah tidak mengikut undang-undang. Sewajarnya, suatu permohonan yang formal perlulah dikemukakan.

[24] Alasan untuk merujuk pertikaian ini kepada Timbangtara juga telah ditimbulkan oleh pihak defendan untuk memohon perintah penggantungan tersebut berdasarkan kl. 27 Perjanjian 15 Disember 1982 tersebut. Walaubagaimanapun, s. 6 Akta Timbangtara 1952 dengan jelas memperuntukkan bahawa sebelum suatu pertikaian ingin dirujuk kepada Timbangtara di dalam keadaan di mana suatu prosiding mahkamah telah diambil, satu permohonan rasmi untuk penggantungan perlu dibuat kepada mahkamah.

[25] Saya percaya bagi mendapatkan satu perintah penggantungan prosiding, prosedur tertentu perlu dipatuhi. Defendan perlu memfailkan permohonan dengan cara yang telah ditetapkan oleh undang-undang, iaitu melalui saman dalam kamar dan bukan hanya dengan memasukkan ke dalam afidavit balasan seperti apa yang telah dilakukan oleh defendan di dalam kes ini. Menimbangkan permohonan yang terdapat di KM(2), saya memutuskan yang ianya wajarlah dibenarkan kerana ianya penuh bermerit sepertimana alasan-alasan yang dinyatakan di atas.

[26] Terdapat 10 perkara yang dipohon di dalam permohonan ini. Meneliti satu persatu akan butiran yang dipohon, mahkamah berpendapat bahawa apa yang penting di dalam tindakan saman pemula ini adalah lebih berbentuk deklarasi dan tidak kepada pelaksanaan spesifik. Saman pemula ini juga masih boleh ditukar kepada guaman sivil. Oleh yang demikian mahkamah hanya mengeluarkan perintah di dalam bentuk deklarasi sahaja terhadap butir-butir yang dipohon, khususnya kepada butiran (i), (ii) dan (iii). Terdapat gantirugi yang berakibat dan mana yang dipohon, suatu proses taksiran perlu dijalankan di hadapan Timbalan Pendaftar.

[27] Permohonan plaintif diizinkan dengan kos.